KOSMO
Tarikh: 7/2/2012
Hari: Selasa M/S: 14
Ruangan: Negara

Bayi hidap benjolan sebesar bola golf di kepala

Derita Muhammad Aidil Afifi

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

JITRA – Sepasang suami isteri bimbang dengan keadaan bayi lelaki mereka yang berusia enam bulan yang mempunyai benjol sebesar bola golf di bahagian belakang kepala kerana masalah pengumpulan cecair di dalam otaknya sejak lahir.

Lebih menyedihkan pasangan itu apabila anak mereka, Muhammad Aidil Afifi Othman turut disyaki menghidap penyakit berkaitan buah pinggang.

Bapanya, Othman Ahmad, 32, berkata, dia dan isteri, Norain Redzuan, 25, susah hati melihat keadaan Muhammad Aidil yang kerap menangis setiap kali benjolan di bahagian belakang kepalanya terhantuk objek keras.

"Aidil (Muhammad Aidil) hanya boleh tidur secara mengiring bagi mengelakkan benjol di kepalanya terhimpit tetapi kadangkala ia terhantuk sehingga menyebabkannya menangis kesakitan," katanya.

Othman ditemui selepas menerima kunjungan wakil Pusat Islam Universiti Utara Malaysia dan Geng Generasi Muda Kubang Pasu yang menyumbangkan barang keperluan bayi dan sedikit bantuan kewangan sempena sambutan Maulidur Rasul di rumahnya di Kampung Telok Keluang, Tunjang di sini semalam.

Othman yang hanya bekerja sebagai pembancuh air di sebuah kedai makan di sini berkata, doktor pakar Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar dekat sini memaklumkan pihak hospital masih melihat perkembangan Muhammad Aidil sebelum boleh membuat sebarang keputusan termasuk bagi melakukan pembedahan.

"Doktor pakar kata, Aidil masih kecil dan memantau perkembangannya serta masih mengenal pasti sama ada kandungan cecair di dalam otak Aidil adalah air atau nanah," jelasnya.

Ujarnya, dia dan isteri ada membeli ubat memulihkan saraf otak selain berubat secara tradisional sebagai usaha mengubati penyakit anaknya itu.

"Kami buat apa sahaja yang termampu memandangkan saya hanya bekerja sebagai pembancuh air dengan gaji sekadar RM550 sebulan dan selepas bayar sewa rumah sebanyak RM200, hanya tinggal RM300 untuk perbelanjaan keluarga setiap bulan," jelasnya.

Menurutnya, dia bercadang untuk memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai meringankan beban perbelanjaan perubatan bayinya dalam masa terdekat.

OTHMAN dan isterinya, Norain Redzuan menunjukkan benjolan pada belakang kepala Muhammad Aidil Afifi Jitra semalam.